

Perwakilan sokong saranan OIC berfungsi lebih aktif

PERWAKILAN di Muktamar Ketujuh Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di sini semalam menyokong pandangan Perdana Menteri bahawa Persidangan Negara Islam (OIC) perlu lebih berkesan dalam menjalankan fungsinya.

Mufti Besar Bosnia, Mustafa Ceric, berkata pergolakan yang berlaku di Kashmir dan Palestin berpunca daripada kesilapan umat Islam yang tidak bersatu di samping tiada badan dunia yang kuat bagi mempertahankan hak mereka.

Beliau berkata, walaupun umat Islam berjumlah dua bilion atau mewakili satu pertiga daripada penduduk dunia, mereka tidak mampu bersatu padu dan bergerak bersama kerana tiada badan dunia yang boleh dijadikan tempat menyuarkan pandangan dan pendirian mereka.

Sehubungan itu, beliau bersejua dengan pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan OIC lebih agresif dalam berperanan sebagai badan dunia bagi menyampaikan suara negara dan umat Islam.

Mustafa berkata, kejadian yang menimpa umat Islam kini boleh diubah jika OIC memainkan peranan mengikut tujuan penubuhannya.

"Apa yang disampaikan Dr Mahathir adalah mesej yang jelas kepada semua Muslim supaya bersatu dan bergerak ber-

sama bagi kepentingan negara dan umat Islam," katanya kepada pemberita selepas mendengar ucapan Dr Mahathir di Muktamar Ketujuh Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di sini, hari ini.

Mufti Agama Libya, Mohamed Alhadi Abusseta, berkata ucapan Perdana Menteri itu kena pada masanya kerana walaupun menganut agama yang sama tetapi negara Islam kini tidak bekerjasama seperti adik-beradik.

Katanya, keadaan itu berbeza dengan apa yang dianjurkan Islam yang mahu umat Islam seluruh dunia bekerjasama seperti sebuah keluarga.

"Mesej Dr Mahathir hari ini tepat pada masanya serta mudah difahami oleh semua negara Islam, iaitu kita semua perlu bersatu padu.

"Saranan kita bersatu di bawah OIC juga bersesuaian kerana umat Islam kini dibelenggu pelbagai masalah," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin pula berkata, wa-

laupun ucapan Perdana Menteri itu 'pahit', negara Islam terpaksa menelannya.

Beliau berkata, Dr Mahathir terpaksa berterus terang demi menyelamatkan negara Islam.

"Beliau membuat ucapan itu sebagai teguran. Cuba kita renungkan, apabila berlaku kejadian yang diingini kita sering salahkan Allah padahal kita sendiri yang silap.

"Semua kejadian itu berpunca daripada kita dan kita pula tiada usaha bagi mengelak kejadian itu berlaku. Islam tidak pernah silap yang silap ialah umat Islam yang terlajak atau tidak mengikut ajaran Islam sebenar," katanya.

Ketua Delegasi Senegal, Moustapha Ly berkata, saranan Dr Mahathir itu diibaratkan sebagai 'penunjuk jalan' kepada negara Islam lain untuk sedar dan mula membina kekuatan sesama mereka.

Beliau berkata, ucapan Dr Mahathir itu amat membe-rangsangkan sekali gus membuktikan beliau seorang pemimpin yang pintar dan ber-wawasan.